



KEMENTERIAN
PENDIDIKAN
MALAYSIA

GARIS PANDUAN
PENERBITAN JURNAL
ILMIAH MALAYSIA





GARIS PANDUAN PENERBITAN JURNAL ILMIAH MALAYSIA

Pusat Sitasi Malaysia
Jabatan Pendidikan Tinggi
Kementerian Pendidikan Malaysia

Cetakan Pertama, 2018

Diterbitkan oleh:

Pusat Sitasi Malaysia
Jabatan Pendidikan Tinggi
Kementerian Pendidikan Malaysia
Aras 7, No.2, Menara 2
Jalan P5/6, Presint 5
62200 W.P. Putrajaya
Malaysia

Dicetak oleh:

Eworks Creative Enterprise
43650, Bandar Baru Bangi
Selangor Darul Ehsan
Malaysia
hello@eworks.com.my

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

GARIS PANDUAN PENERBITAN JURNAL ILMIAH MALAYSIA

ISBN 978-967-14585-7-0

1. Scholarly periodicals--Publishing.
2. Scholarly publishing--Malaysia.
3. Periodicals--Publishing.

I. Kementerian Pendidikan Malaysia. Jabatan Pendidikan Tinggi. Pusat Sitasi Malaysia.
070.57209595





KANDUNGAN

- 1 PENGENALAN
- 2 TUJUAN
- 3 KEPERLUAN PENGINDEKSAN JURNAL DI PANGKALAN DATA SITASI
- 4 PUSAT SITASI MALAYSIA
- 5 KRITERIA PENERBITAN JURNAL ILMIAH BERKUALITI
- 6 PENDAFTARAN JURNAL ILMIAH DI MYJURNAL
- 7 PENILAIAN JURNAL
- 8 PENUTUP

PENGENALAN

1

Jurnal ilmiah merupakan satu penerbitan yang mengandungi artikel ilmiah yang ditulis oleh sarjana atau profesional yang pakar dalam bidang mereka dan diterbitkan secara berkala. Artikel yang terkandung dalam jurnal ilmiah merupakan artikel yang ditulis berdasarkan penyelidikan yang telah dijalankan dan ia telah melalui proses penilaian oleh panel pakar yang dipilih (*peer-reviewed*) sebelum diterbitkan.

Penerimaan artikel untuk diterbitkan di dalam sesebuah jurnal ilmiah merupakan satu pengiktirafan ke atas hasil penulisan tersebut dan secara tidak langsung ia merupakan pengiktirafan ke atas penyelidik dan hasil penyelidikan yang telah dijalankan. Artikel yang diterbitkan dalam jurnal ilmiah akan menjadi rujukan kepada pakar lain bagi proses penjaanaan ilmu pengetahuan yang baru.


Sehubungan dengan itu, setiap jurnal ilmiah perlu memenuhi kriteria dan etika penerbitan ilmiah bagi memastikan integriti pihak pengarang, penilai artikel dan penerbit jurnal telah melalui standard pemprosesan editorial yang tinggi. Etika penerbitan perlu dipatuhi dan menjadi panduan kepada penulisan semua artikel saintifik bagi menghindari plagiarisme dan kesalahan etika yang tidak disengajakan seperti penyerahan pendua atau selari, pengulangan yang tidak sepadan, dan malpraktik dalam penerbitan.

TUJUAN

2

Dokumen ini bertujuan untuk memberi panduan kepada institusi, penerbit, penyelidik dan pengguna untuk menghasil, menerbit dan mengenal pasti jurnal ilmiah Malaysia yang memenuhi kualiti dan standard penerbitan antarabangsa.

Fokus utama dokumen adalah kepada indikator penerbitan jurnal ilmiah yang memenuhi kriteria untuk diindeks dalam pangkalan data kebangsaan, serantau dan antarabangsa.



● **Memberi panduan kepada penerbit untuk menerbitkan jurnal ilmiah**

● **Menjadi rujukan dalam proses mengawal selia penerbitan jurnal ilmiah**

● **Meningkatkan kualiti penerbitan jurnal ilmiah Malaysia**

KEPERLUAN PENGINDEKSAN JURNAL DI PANGKALAN DATA SITASI

3

Adalah penting bagi setiap jurnal ilmiah untuk diindeks di pangkalan data sitasi bagi memastikan visibiliti artikel yang terkandung di dalamnya dan juga pengukuran impak saintifik dapat dilaksanakan.

Terdapat beberapa pangkalan data sitasi yang perlu menjadi sasaran penerbit jurnal ilmiah iaitu:

- 1 **MyCite** – pangkalan data sitasi peringkat kebangsaan
- 2 **ASEAN Citation Index (ACI)** – pangkalan data sitasi peringkat ASEAN
- 3 **Scopus** – pangkalan data sitasi peringkat antarabangsa yang dibangunkan oleh Elsevier
- 4 **Web of Science (WoS)** – pangkalan data sitasi peringkat antarabangsa yang dibangunkan oleh Clarivate Analytics

Tidak semua jurnal ilmiah boleh tersenarai di pangkalan data sitasi di atas kerana ia hanya mengindeks jurnal ilmiah terpilih dan memenuhi kriteria kualiti yang telah ditetapkan. Penerimaan untuk diindeks di pangkalan data sitasi akan:

Mengetengahkan jurnal dan artikel berkualiti ke peringkat antarabangsa

Meningkatkan kebolehpercayaan pembaca terhadap hasil kajian yang telah dibuat kerana artikel telah melalui proses pewasitan yang tinggi

Meningkatkan minat para sarjana untuk menghantar artikel mereka untuk diterbitkan dalam jurnal berkenaan. Ini akan membolehkan penerbit memilih artikel yang berkualiti untuk diterbitkan

Meningkatkan visibiliti dan pengaksesan ke atas artikel yang terkandung di dalam jurnal ilmiah berkenaan

Membolehkan impak saintifik artikel dan jurnal diukur

Meningkatkan bilangan pembaca yang akan merujuk (*cite*) artikel berkenaan dalam penulisan mereka

Sitasi daripada penerbitan jurnal ilmiah universiti menyumbang kepada penarafan universiti seperti QS, SETARA dan THE

PUSAT SITASI MALAYSIA

4

Pusat Sitasi Malaysia (PSM) merupakan sebuah organisasi yang ditubuhkan pada tahun 2011 di bawah Jabatan Pendidikan Tinggi, Kementerian Pendidikan Malaysia. Fungsi PSM ialah untuk meningkatkan keupayaan dan daya saing Institusi Pengajian Tinggi negara, terutamanya dalam menghasilkan penerbitan ilmiah yang berkualiti tinggi.

Objektif PSM ialah untuk:

1. **Memperkasakan dan memperkayakan repositori negara untuk penerbitan ilmiah.**
2. **Menjana, menganalisis dan menyebarkan data analisis mengenai prestasi penerbitan ilmiah negara.**
3. **Meningkatkan visibiliti penerbitan ilmiah negara melalui kerjasama dengan agensi pengindeksan serantau dan antarabangsa.**
4. **Memantau prestasi jurnal ilmiah negara untuk diindeks ke dalam pangkalan data sitasi antarabangsa.**
5. **Mengenal pasti penyelidik dan institusi pendidikan tinggi Malaysia yang cemerlang berdasarkan kualiti penerbitan ilmiah mereka.**

Hasil jalinan kolaborasi dan kerjasama erat antara PSM dan agensi pengindeksan antarabangsa (Clarivate Analytics & Elsevier) dan serantau (ASEAN Citation Index (ACI) Steering Committee), kriteria penerbitan jurnal yang disediakan turut mengambil kira kriteria yang diguna pakai oleh agensi pengindeksan berkenaan.

KRITERIA PENERBITAN JURNAL ILMIAH BERKUALITI

5

Sesebuah penerbitan jurnal hendaklah mematuhi beberapa kriteria yang telah ditetapkan bagi memastikan penerbitan jurnal ilmiah tersebut berkualiti dan menepati standard antarabangsa.

Kriteria yang tersenarai di bawah juga boleh digunakan oleh pengarang untuk memilih jurnal mana yang akan menerbitkan artikel mereka. Ini adalah kerana pengarang perlu menghantar manuskrip mereka pada jurnal yang berwibawa bagi mengelakkan penerbitan artikel dalam jurnal ilmiah yang dikategorikan sebagai "predatory journal".

ISSN / E-ISSN

Jurnal mempunyai International Standard Serial Number (ISSN) atau E-ISSN yang didaftarkan di Malaysia **DAN** hak cipta semasa jurnal hendaklah dimiliki penerbit Malaysia.



ETIKA PENERBITAN

Jurnal perlu menyediakan kenyataan etika penerbitan yang lengkap bagi memastikan kepentingan penerbit, pengarang dan pembaca terpelihara.

COPE (<https://publicationethics.org/>) boleh digunakan sebagai panduan dalam penyediaan kenyataan etika penerbitan sesebuah jurnal.

Publication Ethics and Publication Malpractice Statement

(Adapted from COPE's Best Practice Guidelines for Journal Editors)

Archives of Applied Linguistics is highly committed to upholding ethics in publication and quality of articles. We strive to follow the Code of Conduct as defined by the Committee of Publication Ethics (COPE). These publication ethics include the editor following certain rules on relations with readers, authors, and reviewers as well as procedures for handling complaints.

Conformance to standards of ethical behaviour is therefore expected of all parties involved: Authors, Editors, Reviewers, and the Publisher.

In particular,

Authors: Authors should present an objective discussion of the significance of research work as well as sufficient detail and references to permit others to replicate the experiment. Fraudulent or knowingly inaccurate statements constitute unethical behaviour and are unacceptable. Review articles should also be objective, comprehensive, and accurate accounts of the state of the art. The authors should ensure that their work is entirely original works and if the work and/or words of others have been used, this has been appropriately acknowledged. Plagiarism in all its forms constitutes unethical publishing behaviour and is unacceptable. Submitting the same manuscript to more than one journal concurrently constitutes unethical publishing behaviour and is unacceptable. Authors should not submit articles describing essentially the same research to more than one journal. The corresponding author should ensure that there is a full consensus of all co-authors in approving the final version of the paper and its submission for publication.

Editors: Editors should evaluate manuscripts exclusively on the basis of their academic merit. They should encourage debate and academic integrity and also protect individual data. They also have a duty to act if any misconduct is suspected and to ensure the integrity of the academic record. The editors must not use unpublished information in the editor's own research without the express written consent of the author. They should take reasonable response measures when ethical complaints have been presented concerning a submitted manuscript or published paper.

Reviewers: Any manuscripts received for review must be treated as confidential documents. Privileged information or ideas obtained through peer review must be held confidential and not used for personal advantage. Reviews should be conducted objectively, and observations should be formulated clearly with supporting arguments so that authors can use them for improving the paper. Any selected referee who feels unqualified to review the research reported in a manuscript or knows that its prompt review will be impossible should notify the editor and excuse himself from the review process. Reviewers should not consider manuscripts in which they have conflicts of interest resulting from competitive, collaborative, or other relationships or connections with any of the authors, companies, or institutions connected to the papers.

KAWALAN KUALITI

Jurnal menjalankan proses pewasitan (*peer-review*) artikel sebelum diterbitkan.

Peer Review Process

The review process is between 4-5 months. Each submission will go through the following review process:

- Technical and content screening
- Double blind review
- Revision by author/s if required
- Editorial screening/decision

SUBJEK

Jurnal menyatakan bidang/subjek.

Focus and Scope

The editorial welcomes submissions that provide insights into current and key issues dealing with language studies. The journal provides a venue for language researchers and practitioners to discuss, analyse and promote knowledge in emerging and developing areas in language studies. There must be critical discussion of issues and new and significant contributions to the related field. Articles can be from any of the following areas:

LINGUISTICS: Applied Linguistics and Cross-cultural Linguistics

LITERATURE: Non-Western in English, re-writing canonical literature, Popular Literature and Malay Literature.

TEACHING AND LEARNING OF MALAY

TEACHING AND LEARNING OF ENGLISH

TEACHING AND LEARNING OF FOREIGN LANGUAGES

TRANSLATION STUDIES

5 KRITERIA PENERBITAN JURNAL ILMIAH BERKUALITI

KETEPATAN MASA

- Jurnal menyatakan frekuensi dan bulan penerbitan.
- Jurnal diterbitkan mengikut frekuensi dan bulan yang dinyatakan.

2017
<u>Vol.6, No.2 (2017): December</u>
<u>Vol.6, No.1 (2017): June</u>
2016
<u>Vol.5, No.2 (2016): December</u>
<u>Vol.5, No.1 (2016): June</u>
2015
<u>Vol.4, No.2 (2015): December</u>
<u>Vol.4, No.1 (2015): June</u>
2014
<u>Vol.3, No.2 (2014): December</u>
<u>Vol.3, No.1 (2014): June</u>
2013
<u>Vol.2, No.2 (2013): December</u>
<u>Vol.2, No.1 (2013): June</u>

SIDANG EDITOR

- Jurnal menyenaraikan sidang editor.
- Jurnal menyenaraikan afiliasi editor.

CHIEF EDITOR

Dr. Roslan Abdul-Rahim
Universiti Sultan Azlan Shah, MALAYSIA
Perak, Malaysia

EDITORIAL BOARD

Prof. Datuk Tamby Subahan Mohd Meerah
Universiti Kebangsaan Malaysia, Malaysia

Prof. Mohammad Ismail
Universiti Teknologi Malaysia, Malaysia

Prof. S. M. Aqil Burney
University of Karachi, Pakistan

Assoc. Prof. Dr. Siti Akmar Abu Samah
Universiti Teknologi MARA, Malaysia

Assoc. Prof. Dr. Mohamed Azam Mohamed Adil
Universiti Teknologi MARA, Malaysia

Assoc. Prof. Dr. Basim Mohammed Alhadidi
Albarga' Applied University, Jordan

Assoc. Prof. Dr. Taher Omran Ahmed
Ibri College of Applied Sciences, Oman

Assoc. Prof. Dr. Wan Sabri Wan Yusof
Universiti Sultan Azlan Shah, Malaysia

Dr. Milancovici Speranta Sofia
Vasile Goldis, Western University Arad, Romania

Dr. Salem Saleh Alkhalaf
Qassim University, Kingdom of Saudi Arabia

MEMATUHI KONVENSYEN EDITORIAL ANTARABANGSA

Jurnal menyediakan maklumat bibliografik lengkap:

- a) Tajuk
- b) Abstrak
- c) Kata kunci
- d) Rujukan
- e) Afiliasi penuh semua pengarang



GARIS PANDUAN PENYERAHAN MANUSKRIP

Jurnal menyatakan garis panduan mengenai proses penyerahan manuskrip.



RUJUKAN

Rujukan artikel disediakan dalam huruf Roman atau skrip bukan Roman yang diterjemahkan/literasi (Arabic, lain-lain bahasa) dan gaya penulisan mengikut standard antarabangsa.



KUALITI PERWASITAN

- Jurnal menyatakan tempoh proses pewasitan dijalankan.
- Jurnal menyatakan jenis pewasitan (*single blind*, *double blind*).



BAHASA

Artikel menyediakan tajuk, abstrak dan kata kunci dalam Bahasa Inggeris.



LAMAN SESAWANG JURNAL

- Artikel boleh diakses secara atas talian.
- Laman sesawang menggunakan Bahasa Inggeris dan semua maklumat penerbitan dipaparkan secara tersusun.



M.M. Rahman*, R.B. Abdullah & W.E. Wan Khadijah
Institute of Biological Sciences, Faculty of Science
University of Malaya
50603 Kuala Lumpur
Malaysia

T. Nakagawa & R. Akashi
Frontier Science Research Centre
University of Miyazaki
Miyazaki Shi 889-2192
Japan


*Corresponding author; email: mijanur@um.edu.my

PENGARANG

Kepelbagaian organisasi / antarabangsa (afiliasi) di kalangan pengarang.

SIDANG EDITOR/ PENASIHAT ANTARABANGSA

Kepelbagaian organisasi / antarabangsa di kalangan Lembaga Editor/Penasihat Antarabangsa.



5 KRITERIA PENERBITAN JURNAL ILMIAH BERKUALITI

SISTEM PENGURUSAN JURNAL SECARA ATAS TALIAN

Jurnal mempunyai sistem pengurusan jurnal secara atas talian atau menggunakan mana-mana perkhidmatan Online Journal System (OJS).

▶ SUBMISSION PROCEDURE

The Journal publishes manuscripts written in the Malay and English language. Manuscript submitted to the journal for publication should be original contribution and must not have been previously published or is under consideration simultaneously by any other publication.

The manuscript should be typed with double spacing, single column and font size 12 on A4 paper not exceeding 25 pages, not more than 6 figures and 6 tables and should be submitted using the online submission system at [Online Submission System](#). Starting 1 January 2013 all submissions must be made through this online system.

GERAN PENYELIDIKAN

Maklumat penajaan geran penyelidikan (sekiranya ada).

Disclosure Statement

No potential conflict of interest was reported by the authors

Funding

This work was supported by the Small Research Grant by Entrepreneurship and SMEs Research Institute, Nigeria.

Acknowledgement

N/A

PENDAFTARAN JURNAL ILMIAH DI MyJurnal

6

SYARAT PENDAFTARAN JURNAL

PSM telah membangunkan pangkalan data repositori bagi artikel yang diterbitkan dalam jurnal ilmiah Malaysia yang dikenali sebagai MyJurnal. MyJurnal akan mengindeks jurnal-jurnal ilmiah Malaysia yang berdaftar dengan PSM.



<http://www>

Borang pendaftaran jurnal

boleh didapati melalui

<http://www.myjurnal.my/>

Jurnal yang didaftarkan dalam MyJurnal perlu memenuhi semua syarat pendaftaran jurnal seperti berikut:

- ① **Hakmilik (*ownership*) dan Pengurusan**
- ② **Laman Sesawang**
- ③ **Kekerapan Penerbitan**
- ④ **Judul Jurnal**
- ⑤ **Sidang Editor**
- ⑥ **Deklarasi Caj Penerbitan**
- ⑦ **Proses Pewasitan**
- ⑧ **Etika Penerbitan**
- ⑨ **Hakcipta**

6 PENDAFTARAN JURNAL ILMIAH DI MyJurnal



1

HAKMILIK (OWNERSHIP) DAN PENGURUSAN

- Maklumat pemilikan dan / atau pengurusan jurnal hendaklah dinyatakan dengan jelas di laman sesawang jurnal.
- Penerbit tidak boleh menggunakan nama organisasi yang boleh mengelirukan pengarang dan editor berpotensi.
- Surat/dokumen perakuan pendaftaran ISSN/E-ISSN dari Perpustakaan Negara Malaysia hendaklah disertakan.



2

LAMAN SESAWANG

- Laman sesawang jurnal hendaklah menunjukkan bahawa segala langkah bagi mematuhi standard etika dan profesional yang tinggi telah dilaksanakan.



3

KEKERAPAN PENERBITAN

- Tempoh kekerapan dan bulan jurnal diterbitkan hendaklah dinyatakan dengan jelas.



4

JUDUL JURNAL

- Judul jurnal seharusnya unik dan tidak mengelirukan pengarang, editor dan pembaca berpotensi.



5

SIDANG EDITOR

- Nama penuh dan afiliasi ahli-ahlinya hendaklah disediakan di laman sesawang jurnal.
- Jurnal hendaklah menyediakan maklumat pejabat editorial yang lengkap untuk dihubungi di laman sesawang jurnal / naskhah cetak.



6

DEKLARASI CAJ PENERBITAN

- Sebarang bayaran atau caj pemprosesan manuskrip/ bahan yang dikenakan pada penulis hendaklah dinyatakan dengan jelas di laman sesawang jurnal / naskhah cetak sebelum pengarang mula menyiapkan manuskrip mereka untuk penyerahan.



7

PROSES PEWASITAN

- Semua kandungan jurnal hendaklah melalui proses pewasitan.
- Pewasitan pada asasnya adalah mekanisme kawalan kualiti. Ia melibatkan proses di mana para pakar menilai karya-karya ilmiah dan objektifnya adalah untuk memastikan kualiti manuskrip yang diterbitkan.
- Ia harus dinyatakan dengan jelas di laman sesawang jurnal / naskhah cetak.

6 PENDAFTARAN JURNAL ILMIAH DI MyJurnal



8

ETIKA PENERBITAN

- Etika penerbitan hendaklah dinyatakan di laman sesawang jurnal / naskhah cetak.
- Langkah-langkah pencegahan pelanggaran etika dan sebarang salah laku hendaklah dinyatakan.
- Jurnal hendaklah mempunyai garis panduan untuk penarikan balik atau membetulkan artikel apabila diperlukan.



9

HAKCIPTA

- Maklumat hak cipta hendaklah dinyatakan dengan jelas di laman sesawang jurnal / naskhah cetak.

PENILAIAN JURNAL


7

PROSES PENILAIAN JURNAL

PSM menjalankan proses penilaian ke atas jurnal-jurnal yang diindeks dalam pangkalan data MyJurnal bagi memastikan jurnal tempatan diterbitkan setaraf dan mengikut standard jurnal antarabangsa yang diindeks di pangkalan data antarabangsa dan serantau seperti WoS, Scopus dan ACI.

Bagi tujuan tersebut, PSM menyediakan platform sitasi kebangsaan, MyCite. Selain daripada itu, MyCite mengukur prestasi jurnal seperti citation, journal impact, immediacy index dan h-index.

PSM juga akan mengesyorkan jurnal-jurnal yang tersenarai dalam MyCite ke pangkalan data sitasi serantau dan antarabangsa.





MyJurnal

- MyJurnal adalah repositori jurnal tempatan.
- Semua artikel yang diindeks dinilai prestasi berdasarkan Kriteria Penilaian Jurnal PSM.



PROSES PENILAIAN DAN PENGESYORAN JURNAL OLEH PSM





7 PROSES PENILAIAN JURNAL

Semua jurnal dalam MyJurnal akan dinilai dari aspek kualiti dan standard penerbitan ilmiah pada setiap tahun.

KRITERIA PENILAIAN JURNAL

- Penilaian dilaksanakan berdasarkan 2 fasa berikut.

FASA 1

Penilaian jurnal ke



FASA 2

Pengesyoran ke pangkalan data serantau / antarabangsa

PENUTUP

8

Penerbit jurnal ilmiah digalakkan untuk mendaftar DOI (*Digital Object Identifier*) bagi artikel yang diterbitkan. Terdapat implikasi kos sekiranya pihak penerbit ingin menggunakan perkhidmatan ini. Penggunaan DOI dapat membantu meningkatkan visibiliti artikel dan seterusnya akan membantu meningkatkan sitasi artikel berkenaan.

***Crossref* merupakan agensi pendaftaran (*Registration Agency*) kepada DOI (www.doi.org).**

Bagi meningkatkan visibiliti, kebolehcapaian dan kelestarian jurnal ilmiah Malaysia, pematuhan kepada kriteria-kriteria penerbitan yang dinyatakan adalah penting bagi memastikan penerimaan pengindeksan di pangkalan data kebangsaan, serantau dan antarabangsa.

LET'S MAKE THE INVISIBLE VISIBLE

RUJUKAN

Abubakar S. Garba & Lami Rahama Aliyu. (2017). Motivation and barriers for business start-up among graduates: a gender difference. **Journal of Entrepreneurship and Business**. 5(1): 24-38.

ASEAN Citation Index. (n.d.). Retrieved September 4, 2018 from <https://www.asean-cites.org/>

Asia-Pacific Journal of Information Technology and Multimedia. (n.d.). Retrieved September 20, 2018 from <http://www.ftsm.ukm.my/apjitm/>

Archives of Orofacial Sciences. (n.d.). Retrieved September 20, 2018 from <http://www.dental.usm.my/aos/>

Committee on Publication Ethics. (n.d.). Retrieved August 6, 2018 from <https://publicationethics.org/>

Crossref. (n.d.). Retrieved July 17, 2018 from <https://www.crossref.org/>

Digital object identifier. (n.d.). Retrieved July 17, 2018 from www.doi.org

Elsevier. (n.d.). Content Policy and Selection. Retrieved August 30, 2018 from <https://www.elsevier.com/solutions/scopus/how-scopus-works/content/content-policy-and-selection>

GEMA Online® Journal of Language Studies. (n.d.). Retrieved September 6, 2018 from <http://ejournal.ukm.my/gema>

Global Journal Al Thaqafah. (n.d.). Retrieved September 6, 2018 from <http://www.gjat.my/>

James Testa. (2018). Journal Selection Process. Clarivate Analytics. Retrieved August 30, 2018 from <https://clarivate.com/essays/journal-selection-process/>.

Journal of Science and Technology. (n.d.). Retrieved September 24, 2018 from <http://penerbit.uthm.edu.my/ojs/index.php/JST/index>

- Lubna Abd Rahman & Hanafi Dollah. (2016). The development of Arabic-Malay bilingual dictionaries for Malaysian school students. **Ulum Islamiyyah The Malaysian Journal of Islamic Sciences**. 18: 159-180.
- Lynn Ko Wei Lin, Nor Fatiyah Che M. Nasir & Norsila Abdul Wahab. (2015). Prevalence of dysphagia in patients with head and neck cancer at dental clinic, Hospital USM. **Archives of Orofacial Sciences**. 10(1): 10-16.
- MyCite. (n.d.). Retrieved July 17, 2018 from <http://www.mycite.my>
- MyJurnal. (n.d.). Retrieved July 17, 2018 from <http://www.myjurnal.my/>
- Pertanika Journals. (n.d.). Retrieved September 6, 2018 from <http://www.pertanika.upm.edu.my/index.php>
- Pusat Sitasi Malaysia. (n.d.). Retrieved July 17, 2018 from <http://mycc.my/>
- Rahman, M.M., Abdullah, R.B., Wan Khadijah, W.E., Nakagawa, T. & Akashi, R. (2014). Feed intake and growth performance of goats offered napier grass (*Pennisetum purpureum*) supplemented with concentrate pellet and soya waste. **Sains Malaysiana**. 43(7): 967-971.
- Sains Malaysiana. (n.d.). Retrieved September 6, 2018 from <http://www.ukm.my/jsm/>
- Shahrul Izwan Armad, Shahidan Radiman & Md. Soot Ahmad. (2014). Sintesis nanozarah kuprum dalam larutan kitosan menggunakan kaedah sinaran gama. **Sains Malaysiana**. 43(11): 1751-1759.
- Yousif, A.A., Sulaiman, S.A. & Nasif, M.S. (2015). Experimental study on laminar flame speeds and Markstein length of propane air mixtures at atmospheric conditions. **International Journal of Automotive and Mechanical Engineering**. 11: 2188-2198. <http://dx.doi.org/10.15282/ijame.11.2015.2.0183>

NOTA

NOTA



**KEMENTERIAN
PENDIDIKAN
MALAYSIA**

**Pusat Sitasi Malaysia,
Jabatan Pendidikan Tinggi,**
Kementerian Pendidikan Malaysia,
Aras 7 No. 2 Menara 2,
Jalan P5/6, Presint 5,
62200 W.P. Putrajaya

+603-8870 6516

+603-8870 6509

mcc@moe.gov.my

